

18/07/1999

BN yakin kekalkan kuasa di Pulau Pinang

Ridzuan Yop

PEMERHATI politik berpendapat keadaan kali ini mungkin berbeza daripada pilihan raya lalu apabila negara ketika itu mengalami pertumbuhan ekonomi yang cukup cemerlang dan tidak menghadapi kegawatan ekonomi dan politik membabitkan sentimen masyarakat Melayu.

Dua isu ini sudah pasti akan digunakan oleh pembangkang sebagai senjata utama meraih sokongan rakyat.

Yang pasti Pulau Pinang sekali lagi bakal menjadi tumpuan dalam pilihan raya kali ini bukan saja disebabkan usaha DAP melalui projek 'Tanjung Empat' untuk menawan Pulau Mutiara, tetapi juga bertambah hangat berikutan isu pemecatan Ahli Parlimen Permatang Pauh yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya akan menyokong parti yang mempunyai pemimpin yang baik dan mempunyai dasar perjuangan yang betul tidak kisah sama ada ia daripada parti pembangkang atau kerajaan," kata seorang pengusaha pasar mini, Mahmud Samad, 35.

Menurutnya, rakyat mahukan seorang pemimpin yang baik untuk memimpin mereka, tidak rasuah serta ikhlas mahu membawa perubahan dan pembangunan kepada rakyat.

"Pemecatan Anwar, pada peringkat awal memang memberi kesan kepada orang Melayu, sehingga ada yang terlalu marah kepada pemimpin Umno dan BN," katanya.

"Walaupun ada parti pembangkang Pas atau Keadilan mahu menjadi parti alternatif, tetapi saya melihat setakat ini hanya BN yang dapat bekerja dengan baik," katanya yang berpendapat Umno masih boleh memenangi kerusi DUN negeri tetapi majoriti mungkin berkurangan.

Seorang ahli Keadilan, Bakhtiar Wan Chik, 34, dari Balik Pulau, berkata kini sudah ada perubahan di kalangan ahli akademik dan profesional untuk menyertai parti politik, khususnya parti pembangkang.

Beliau berkata, jika dahulu golongan ini hanya menjadi pemerhati terhadap pelbagai isu politik negara tetapi kini mereka bergiat secara aktif untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan dan kepincangan yang berlaku.

Keadilan yang diterajui isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, baru-baru ini dilancarkan bagi peringkat Pulau Pinang, untuk meraih sokongan rakyat serta membuktikan suaminya masih lagi berpengaruh dan mendapat sokongan penduduk Pulau Pinang, khususnya di Permatang Pauh.

Ketua Perhubungan Keadilan Pulau Pinang, Dr Mansur Osman, yang ditemui selepas pelancaran parti itu, berkata jumlah keahlian semakin meningkat dan ia memberi keyakinan kepada kepimpinan parti untuk mencapai kemenangan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, parti berkenaan bersedia menghadapi pilihan raya dan kini di peringkat akhir mengemaskinikan jenteranya untuk memastikan hasrat rakyat yang inginkan perubahan tercapai.

Bagaimanapun, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Shariff Omar yang juga Timbalan Ketua Menteri, berpendapat isu Anwar tidak menjejaskan usaha Umno dan BN untuk terus menguasai kerajaan negeri.

"Saya yakin rakyat masih mahukan Umno kerana ia satu-satunya parti yang dapat membela nasib orang Melayu di Pulau Pinang dan tidak ada parti lain. Anwar hanya pemimpin yang diberi tanggungjawab oleh Umno dan beliau seorang saja tidak akan mampu melaksanakan semua perkara kecuali melalui Umno," katanya.

"Dengan kekuatan yang ada, Umno bersedia untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa termasuk di Permatang Pauh," katanya yang yakin orang Melayu amat memahami hanya Umno yang dapat mewakili suara mereka.

Pas yang pernah memenangi kerusi Parlimen Permatang Pauh tentu tidak mahu melepaskan kawasan berkenaan kerana berbanding Keadilan, Pas tentu berasaskan mereka lebih berpengalaman dan mempunyai ramai petugas untuk melaksanakan apa juga kempen pilihan raya kali ini bagi memenangi semula kawasan itu.

Pas pernah memenangi kerusi berkenaan pada 1978, dan buat kali pertamanya menguasai Parlimen Permatang Pauh apabila calonnya Allahyarham Zabidi Ali mengalahkan calon Umno Allahyarham Ariffin Daud.

Bagaimanapun, kemenangan itu tidak kekal lama dan hanya bertahan satu penggal saja apabila BN pada pilihan raya 1982 meletakkan Anwar sebagai calon yang ketika itu dilihat sebagai anak didik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Permatang Pauh kini diwakili oleh Umno dengan Datuk Ahmad Saad (Permatang Pasir); Datuk Abdul Latiff Mirasa (Seberang Jaya) dan Daud Taha (Penanti).

Shariff berkata, isu Anwar semata-mata tidak menjejaskan peluang Umno, pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri menggantikan Anwar dapat diterima rakyat pelbagai kaum bukan saja di Pulau Pinang tetapi seluruh negara.

"Kebetulan Pak Lah (Abdullah) dari Pulau Pinang dan beliau dilantik oleh Perdana Menteri kerana kemampuan yang ada padanya serta dapat diterima semua rakyat," katanya.

Pak Lah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang pastinya memikul tugas berat untuk memastikan Umno memenangi semua 12 kerusi Umno yang dipertandingkan.

Senario politik komponen parti lain di Pulau Pinang khususnya Gerakan juga tidak terlepas daripada mengalami pergolakan.

Pertandingan merebut jawatan Pengerusi Gerakan negeri 8 Mei lalu, adalah antara gelora yang hampir menjejaskan pengaruh Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dalam politik negeri.

Koh bagaimanapun berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi Gerakan Pulau Pinang selepas mengalahkan pencabarnya, Dr Goh Cheng Teik, dengan mendapat 167 undi mengatasi Goh dengan kelebihan 64 undi.

Kekalahan itu telah menguburkan harapan beberapa pemimpin veteran Pulau Pinang untuk membuat perubahan pucuk pimpinan dengan mendakwa Koh terlalu lemah untuk memimpin Gerakan dalam pilihan raya umum akan datang.

Banyak yang tidak menyedari kelembutan Koh yang dilihat oleh musuh politiknya sebagai satu kelemahan itulah sebenarnya kekuatan beliau sehingga dapat menerajui BN untuk memenangi 32 kerusi daripada 33 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum 1995.

Ditanya apa akan jadi kepada pihak yang kalah dalam pemilihan itu, Koh berkata: "Saya bukan jenis yang suka membalas dendam. Saya hanya akan tegas terhadap mereka yang mempunyai niat jahat terhadap parti.

"Saya sedia terima kritikan yang membina atau konstruktif, tetapi tidak akan tunduk kepada ancaman."

Seorang pemerhati politik Cina berpendapat isu orang Cina di Pulau Pinang bukan setakat menyediakan peluang perniagaan kepada kaum itu tetapi juga yang lebih penting isu pendidikan.

Parti yang berjaya merealisasikan hasrat pendidikan kaum Cina lebih dipercayai dan dihormati.

Dalam soal ini MCA dilihat berada pada landasan yang betul kerana melalui Projek Langkawinya ia dapat menyalurkan biasiswa dan membuka kampus cawangan baru Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR), di Tanjung Bungah.

"Kejayaan ini banyak memberikan kelebihan kepada mereka (MCA) untuk

terus mendapat sokongan masyarakat Cina," katanya.

Kemasukan 107 ahli DAP Pulau Pinang ke dalam MCA baru-baru ini membuktikan walaupun MCA adalah sederhana dan tidak perkauman seperti DAP tetapi masih dapat memperjuangkan pelbagai isu melalui musyawarah dengan komponen BN lain.

Bekas Ketua Pemuda DAP negeri, Teh Beng Hai, yang mengetuai kumpulan itu menyertai MCA, ketika ditanya keputusannya meninggalkan DAP, berkata DAP gagal memahami hasrat ahli dan rakyat sehingga mereka tidak lagi dapat menerima corak kepemimpinan yang diterapkan khususnya, Setiausaha Agung parti itu, Lim Kit Siang.

Menurutnya, beliau dan rakannya yang lain sedar pemimpin kanan DAP hanya pandai mengkritik setiap langkah yang diambil kerajaan.

Sambil memberi contoh isu kereta nasional dulu, beliau melahirkan rasa hairannya kerana hakikatnya kebanyakan pemimpin DAP sekarang adalah pemilik kenderaan berkenaan.

Bagaimanapun, Timbalan Pengerusi DAP negeri, Chong Eng, berkata tindakan kumpulan itu keluar daripada DAP tidak sedikitpun menjejaskan kekuatan parti itu di Pulau Pinang.

"Mereka yang meninggalkan parti itu, sememangnya sudah menjadi masalah kepada DAP sejak sekian lama dan dasar perjuangan mereka tidak mengikut arus perdana DAP dan kita sudah menjangkakan tindakan mereka, dan ia umpama ribut dalam cawan, tetapi media memainkan isu keluar parti itu berulang kali seolah-olah DAP sudah begitu rosak," katanya.

Menurutnya, DAP mempunyai banyak isu yang bakal diketengahkan dalam pilihan raya kali ini dan yakin akan terus menerima sokongan masyarakat Cina pada peringkat akar umbi.

Apapun kejayaan BN untuk mempertahankan majoriti dua pertiga di Pulau Pinang iaitu sejauh mana mereka berupaya menangkis segala tohmahan yang dilemparkan kepada kerajaan dan menjelaskannya secara bersungguh-sungguh kepada rakyat.